



PANDUAN
MANUSKRIPT PENUH

PENULISAN ARTIKEL
JURNAL PERSONALIA PELAJAR

PUSAT HAL EHWAL PELAJAR
UNIVERSITI KEBANGSAAN
MALAYSIA

(VERSI BM)

SUSUNAN DAN KANDUNGAN

- Manuskrip ditulis menggunakan Microsoft Word dengan saiz A4.
- Minimum perkataan bagi penulisan artikel ialah (4500) patah perkataan.

Kandungan:

1. Tajuk
2. Nama Penulis/ Penulis Bersama
3. Abstrak BM
4. Abstrak BI
5. Pendahuluan
6. Kaedah Metadologi
7. Topik/Tajuk Kecil
8. Kaedah Methadologi
9. Hasil dan Perbincangan
10. Kesimpulan
11. Rujukan
12. Penghargaan
13. Nama penulis

Pembelajaran Berasaskan Dialog Antara Budaya (PPDaB) dan Aplikasi di dalam Kelas.

Interactive Dialogue-Based Learning (PPDaB) and Applications in Class.

AZARUDIN AWANG*, AZMAN CHE MAT & WAHAIRI MAHMUD

ABSTRAK

Apresiasi dan pemahaman terhadap perbezaan budaya yang berbeza mampu memupuk persefahaman dan perpaduan kaum. Salah satu mekanisme bagi memupuk persefahaman ini ialah melalui pelaksanaan dialog antara budaya di dalam kelas. Dialog antara budaya merupakan interaksi yang berlaku antara dua pengamal budaya yang berbeza. Kepelbagaiannya kaum, etnik dan sub etnik di Malaysia menjadikan dialog antara budaya sebagai medium integrasi dan perpaduan yang penting. Objektif kajian ini ialah melihat tahap pengetahuan pelajar terhadap budaya popular rakan-rakan dari etnik atau sub etnik yang berbeza pada sebelum dan selepas aktiviti PPDaB dijalankan. Selanjutnya, meneliti sikap dan persepsi pelajar terhadap pelaksanaan PPDaB di dalam kelas. Eksperimen ini dilakukan ke atas para pelajar sarjana muda yang mengambil kursus Hubungan Etnik (CTU 553) di Universiti Teknologi Mara di Terengganu. Borang soal selidik diedarkan kepada jumlah 71 orang pelajar yang mengikuti kelas ini di UiTM Terengganu. Analisis statistik dengan ujian min dan sp (sisihan piawai) digunakan bagi melihat pengetahuan, sikap dan persepsi pelajar terhadap soalan-soalan yang dikemukakan. Hasil kajian menunjukkan pelaksanaan PPDaB di dalam kelas mampu mempertingkatkan tahap pengetahuan, membentuk sikap yang lebih positif dan minat pelajar kepada skala yang lebih tinggi. Hal ini bermakna inovasi melalui pelaksanaan PPDaB di dalam kelas mampu meningkatkan kefahaman, empati diri dan pelajar merasa seronok terhadap proses pembelajaran.

Tajuk Bahasa Melayu ditaip di tengah-tengah antara jidar kiri dengan jidar kanan menggunakan tulisan Times New Roman, dan bersaiz 12 poin

Tajuk Bahasa Inggeris ditaip di tengah-tengah antara jidar kiri dengan jidar kanan menggunakan tulisan Times New Roman, dan bersaiz 12 poin dan Italic

Nama penuh penulis dan penulis bersama ditaip dengan HURUF BESAR di tengah-tengah antara jidar kiri dengan jidar kanan menggunakan tulisan Times New Roman, dan bersaiz 12 poin

Abstrak Bahasa Melayu, tidak lebih daripada 250 patah perkataan menggunakan tulisan Times New Roman dan bersaiz 12 poin

Kata kunci: Eksperimen, Dialog, Budaya, Hubungan Etnik, UiTM

ABSTRACT

Apreciation and understanding of cultural differences are able to foster understanding and unity of races. One mechanism for fostering this understanding is through implementation of the interculture dialogue in the classroom. Interculture dialogue is a interaction that occurs between two different cultural practitioners. The diversity of races, ethnic groups and its sub-ethnic in Malaysia has created interculture dialogue as an important medium of integration and unity. The objective of this study is to scrutinize the level of students' knowledge about popular culture from ethnic or different sub ethnic of their peers at pre and post PPDaB activities being carried out. Moreover this study aims to review the attitudes and perceptions of students on the implementation of the PPDaB in the classroom. This experiment was carried out on Bachelor students who were taking the ethnic relations course (CTU 553) at Universiti Teknologi Mara in Terengganu. The questionnaire forms were distributed to total 71 students who attended the class. Statistical analysis with min test and sp (standard deviation) were used to look into the level of knowledge, attitudes and perceptions of students to the questions submitted. The results showed the implementation of PPDaB in the classes has funtioned in improving the level of knowledge, creating more positive attitude and interest of students. This result signifies that innovation through the implementation of PPDaB in class able to increase understanding; empathy and students feel the fun of learning process.

Keywords: Experimental, dialogue, culture, ethnic relations, UiTM.

PENDAHULUAN

Bagi sesebuah negara yang berbilang kaum, agama dan budaya, isu-isu yang berkait perbezaan cara hidup perlulah ditangani secara

Kata kunci mengandungi 3 hingga 5 patah perkataan menggunakan tulisan Times New Roman, dan bersaiz 11 poin

Abstrak Bahasa Inggeris, tidak lebih daripada 250 patah perkataan menggunakan tulisan Times New Roman dan bersaiz 11 poin, italic

Kata kunci mengandungi 3 hingga 5 patah perkataan menggunakan tulisan Times New Roman, dan bersaiz 11 poin

Pengenalan

terhadap nilai-nilai bersama melalui perkongsian rentas budaya.

bijaksana. Kegagalan memahami perbezaan yang ada dalam sesebuah masyarakat menyebabkan matlamat perpaduan kaum agak sukar dicapai. Hal ini amat penting kerana perpaduan kaum adalah merupakan nadi kepada kestabilan ekonomi dan politik negara. Sekiranya kita mengambil pendekatan yang salah dan mengelirukan, maka usaha untuk memupuk perpaduan akan menerima kesan sebaliknya iaitu kesan yang negatif. Dengan demikian, adalah wajar kepelbagaian kaum, agama dan budaya dieksplotasi sebaik mungkin bagi tujuan membangunkan negara dan dapat difahami oleh semua lapisan masyarakat. Peranan sejarah sememangnya meninggalkan impak yang besar ke atas pembentukan masyarakat di Malaysia, apatah lagi apabila dilihat dari persepsi yang berbeza-beza yang selanjutnya meninggalkan kesan negatif ke atas beberapa perkara. Salah satunya ialah tidak wujud kesatuan budaya kerana setiap bangsa mempunyai tradisi, bahasa, budaya hidup dan agama masing-masing (Ridzuan, 2010). Faktor polarisasi dalam hubungan etnik dalam konteks ekonomi, politik dan sosial telah mewujudkan faktor psikososial seperti prejedis, diskriminasi dan stereotaip antara kaum (Mohd Azhar et al., 2013). Azrinah (2009) dalam kajiannya menyatakan tahap kesedaran dalam kalangan pelajar Universiti terhadap sikap toleransi masih berada pada skala yang rendah. Mereka hanya cenderung memilih rakan dari satu etnik untuk makan bersamasama, berkongsi kolej dan tidak berminat melibatkan aktiviti etnik yang lain. Keadaan ini menyebabkan tidak berlaku integrasi social dalam kalangan pelajar. Integrasi antara kaum di semua peringkat masyarakat adalah penting penting kerana sentimen perkauman mampu merobohkan benteng perpaduan sebagaimana yang telah berlaku pada 13 Mei, 1969 (Rusimah et al., 2004). Dalam hal ini, peranan sekolah dan insitusi pengajian amat penting dalam membaurkan murid pelbagai etnik atau sub etnik daripada latar belakang budaya yang berbeza bagi mencapai integrasi etnik yang sempurna dan bersifat menyeluruh di persekitaran bilik darjah (Suresh, 2014). Justeru artikel ini membicara pelaksanaan PPDaB di dalam kelas dengan matlamat pelajar-pelajar merasa empati

kepada pelajar tentang subjek pengajian melalui pertanyaan-

MEMUPUK MASYARAKAT YANG BERINTEGRASI MELALUI DIALOG ANTARA BUDAYA

Topik/Tajuk Kecil (Sekiranya ada)

Pada peringkat Universiti, para pelajar tanpa mengira bangsa, agama dan budaya yang mengikuti Ijazah Sarjana Muda di Universiti awam Malaysia perlu mengambil subjek Hubungan Etnik sebagai matapelajaran pengajian umum Universiti. Salah satu penekanan kursus ini ialah sejarah Malaysia dan pembentukan masyarakat yang bersatu padu yakni bagaimana mengubah masyarakat bersegregasi kapada satu kelompok yang berintegrasi. Segregasi merujuk kepada perbezaan sosial di mana dua atau lebih kumpulan etnik atau kaum terpisah di antara dua sama lain (Mohd Faris et al., 2016) Manakala integrasi merupakan satu proses bagi mewujudkan satu identiti nasional dalam kalangan kumpulan yang terpisah daripada segi sosial, budaya dan lokasi dalam sesebuah unit politik (Shamsul, 2007) Di Malaysia, pelbagai mekanisme digunakan dalam sistem pendidikan bagi membentuk integrasi dan perpaduan pada semua peringkat pengajian. Justeru, dorongan pemupukan dan penyatuan kaum perlulah dipupuk ketika zaman kanak-kanak atau pada peringkat sekolah rendah lagi melalui proses sosialisasi. Proses sosialisasi antara kumpulan etnik yang berlainan ini lebih mudah berlaku apabila mereka bersama-sama berkongsi melalui hubungan dialog (Mohd Faris et al., 2016). Dalam Kamus Dewan (2010), dialog dinyatakan sebagai kata-kata yang dituturkan oleh watak-watak dalam drama atau fiksyen; genre sastera dalam bentuk perbualan; perbincangan atau perundingan antara dua pihak yang bertelingkah. Tujuan dialog ialah mencari hakikat kebenaran dan membina persefahaman dalam kepelbagaian pemikiran manakala pelaksanaan dialog perlu dilakukan dengan sikap berlapang dada, rasa hormat, mampu memberi dan menerima pandangan orang lain. (Ahmad Faizuddin dan Jaffary Awang, 2016) Penggunaan ‘dialog’ dalam proses P&P ialah satu pendekatan pendidik bagi memberi kefahaman

pertanyaan (Titi & Suryo, 2016). Dalam kontek pembelajaran, dialog berperanan sebagai medium bagi pelajar melakukan dan memahami pengajaran melalui kehidupan yang dilalui. Selain itu melalui dialog pelajar mampu mempengaruhi pelajarpelajar lain tentang sesuatu pengertian. Matlamat ini akan diperolehi sekiranya para pelajar bersama-sama saling faham memahami isu yang diketengahkan Chandrawati (2015). Dialog antara budaya merupakan satu bentuk hubungan sosial mampu memupuk semangat kebersamaan untuk membangunkan dan mempertahankan negara di samping menjauhi sifat perkauman. Perkataan ‘dialog’ adalah merujuk kepada percakapan, manakala ‘antara budaya’ adalah membawa maksud antara pengamal budaya. Gabungan perkataan ‘dialog’ dan ‘budaya’ ini menjelaskan dialog yang berlaku antara pengamal budaya (Zulkefli bin Aini et al., 2014). Justeru, dialog antara budaya boleh difahami sebagai perbualan antara pelbagai pengamal budaya, sifatnya bertimbang balas dan adanya reaksi antara dua pihak. Dialog antara budaya merupakan proses interaksi yang melibatkan komunikasi antara individu atau kumpulan yang mempunyai persepsi budaya dan sistem simbol yang berbeza antara satu sama lain. Biarpun terminologi dialog banyak digunakan dari sudut yang berbeza, namun ia berkait rapat dengan proses pertukaran maklumat antara pihak yang mengemukakan pandangan dan pihak yang terlibat membuat penilaian pandangan tersebut. Bagi Azizan (2005), tujuan utama dialog ialah untuk kita mempelajari dari pihak yang lain suatu cara berfikir yang berbeza dan bersifat baru. Setiap peserta yang terlibat dalam dialog ini sewajarnya ‘mesti mendengar’ dan ‘berempati’ terhadap apa yang ada pada orang lain. Zulkefli bin Aini et al. (2014) menyatakan bahawa dialog antara budaya menekankan tentang mengenal diri secara pasti, menjelaskan tentang prinsip hidup dan asal usulnya sebelum mengenali orang lain. Matlamatnya juga jelas iaitu untuk mencapai adaptasi dan penyesuaian dalam kalangan mereka yang terlibat dalam proses tersebut. Terdapat lima jenis cabaran yang lazimnya mengganggu kelancaran proses dialog antara budaya iaitu bersifat etnosentrisme, iaitu suatu kecenderungan untuk menafsirkan atau menilai kelompok lain dari kaca mata kebudayaan

sendiri, kurang kepercayaan terhadap orang lain yang tidak dikenali, menarik diri dari pertemuan yang dirancang, tidak mempunyai sifat empati dan bersikap stereotyping terhadap orang lain (Jemkhairil, 2010). Oleh hal demikian, soal perpaduan dan hubungan di antara kaum merupakan agenda penting negara dalam memastikan kestabilannya sentiasa terjpelihara. Kajian tentang dialog dalam kalangan pelajar institut pengajian tinggi adalah penting bagi mengenalpasti pola situasi integrasi di tempat tersebut. Dari sudut Islam, al-Quran menggesa agar umatnya berdialog dengan pengamal agama dan budaya yang lain dengan baik. Dialog dalam hubungan kaum, agama dan buadaya adalah berasaskan konsep ‘li ta’arafu’ (saling kenal mengenali). Model hubungan sosialisasi ini yang dijelaskan pada firman Allah dalam surah al-Hujurat (49: 13). Apa yang nyata, prinsip saling kenal mengenali ini menjadi ikatan persaudaraan antara sesama Muslim (misalnya hubungan yang melibatkan sub etnik Muslim). Manakala ‘li ta’arafu’ antara Muslim dengan non-Muslim merujuk kepada alSuhl iaitu satu proses untuk membina dan memupuk situasi aman dan sejahtera sesama mereka (Khadijah et al, 2012). Terdapat beberapa kajian di Malaysia yang dilakukan berkaitan dialog atau interaksi yang berlaku dalam kalangan pelajar di Malaysia. Kebanyakan kajian menunjukkan para pelajar lebih selesa berdialog dengan kelompok etnik yang sama. Antaranya kajian yang dilakukan oleh Najeemah (2006) mendapati persahabatan sesama etnik lebih digemari dari antara etnik. Mereka lebih suka berdialog, kerap berinteraksi dan meminta bantuan dari rakan satu kelompok berbanding dari etnik yang lain. Selanjutnya kajian yang dilakukan oleh Yasmin dan Najeemah (2012) mendapati wujud perbezaan jarak sosial yang ketara di antara pelajar yang melibatkan aktiviti sehari-hari antara rakan seetnik dengan rakan yang berbeza etnik. Keadaan ini menyebabkan wujud sempadan etnik dalam kalangan murid yang menebal di dalam kelas. Kajian yang dilakukan oleh Rusimah et al. (2004) mendapati salah satu faktor yang menyebabkan wujudnya polarisasi etnik di IPT ialah kurangnya perbincangan


secara terbuka dan serius dalam kalangan pelajar pelbagai etnik mengenai soal politik, ekonomi dan sosial. Selanjutnya Rusimah et al. (2004) mencadangkan agar program-program yang boleh menghangatkan suasana atau iklim interaksi antara kaum dapat diperbanyakkan sama ada di dalam atau di luar kelas agar dapat membentuk suatu kehidupan yang harmoni di dalam kampus dan seterusnya diamalkan dalam kehidupan di luar sana. Kajian yang dilakukan oleh Azizi et al. (2015) telah melihat enam sikap mereka terhadap keselesaan berinteraksi, menghormati agama lain, penglibatan aktiviti bersama, keyakinan terhadap tolak ansur, semangat kejiran dan bersedia untuk berkongsi; mendapati pelajar mempunyai kecenderungan yang tinggi terhadap sikap menghormati, kesedaran untuk berinteraksi dan bertoleransi. Namun mereka sukar untuk membuktikan keselesaan berinteraksi, semangat kejiran dan bersedia untuk berkongsi kepelbagaian bagi mengelakkan perbalahan kaum.

PELAKSANAAN AKTIVITI PPDaB

PPDaB merupakan akronim kepada Pengajaran dan Pembelajaran Dialog Antara Budaya merupakan keadaan PnP yang bersifat pembelajaran aktif. Pembelajaran aktif menjadikan pelajar berperanan lebih aktif. Konsep pembelajaran aktif meletakkan sebahagian besar proses pembelajaran dikendalikan oleh pelajar manakala guru lebih banyak sebagai fasilitator. Mel Silberman (1996) mengatakan ‘when learning is active, students do most of the work. They use their brain... studying ideas, solving problems, and applying what they learn’. Dalam eksperimen pelaksanaan PPDaB ini, pensyarah bertindak sebagai fasilitator. Apa yang pasti, aktiviti ini banyak bergantung kepada fasilitator yang berwibawa dan mampu menggerakkan peranan setiap peserta dalam memaparkan nilai budaya yang mereka miliki dalam etnik atau sub etnik masing-masing. Empat orang pelajar dipilih untuk mempersempit salah satu budaya yang diamalkan oleh sub-etnik atau etniknya. Masa yang diperuntukkan untuk membuat setiap persembahan bagi setiap orang pelajar ialah 5-7 minit. Antara persembahan yang

dilakukan oleh pelajar ialah persesembahan wayang kulit, sambutan hari gawai, makan nasi ambeng dan tarian ulik mayang. Selesai persesembahan, para pelajar lain yang bertindak sebagai penonton berosal jawap tentang perihal budaya yang diceritakan. Berbekalkan kefahaman yang baik tentang identiti dan budaya, pelajar dapat menjalankan interaksi yang bermakna antara satu sama lain. Interaksi yang aktif dan positif menyediakan ruang yang terbaik kepada pelajar-pelajar yang terlibat untuk berkongsi cerita dan mesej yang lebih padat dan sarat. Gambarannya adalah sebagaimana rajah 1 di bawah:

RAJAH 1. Eksperimen PPDaB



OBJEKTIF KAJIAN

- Melihat tahap pengetahuan pelajar tentang budaya popular rakan-rakan dari etnik atau sub etnik yang berbeza pada sebelum dan selepas aktiviti PP DaB dijalankan.
- Meneliti Sikap dan Persepsi Pelajar terhadap pelaksanaan PP DaB dijalankan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif melalui edaran borang selidik bagi mengetahui kesediaan penerimaan para pelajar pelaksanaan PP DaB di dalam kelas. Populasi terdiri daripada pelajar-pelajar yang mengikuti kursus ini di UiTM kampus Terengganu cawangan Dungun. Jumlah populasi ialah seramai 85 manakala sampel adalah berjumlah 71 orang. Instrumen soal selidik digunakan menyentuh latar belakang responden, tahap pengetahuan, sikap dan persepsi pelajar terhadap tajuk yang diberikan. Analisis secara deskriptif dilakukan dengan menggunakan kaedah min dan sisihan piawaian (sp) dengan menggunakan skala likert 5 mata iaitu sangat tidak

Kaedah Metodologi

bersetuju, tidak bersetuju, tidak pasti, bersetuju dan sangat bersetuju. Selanjutnya, jawapan yang diberikan oleh responden diukur dengan menggunakan SPSS 22. Apabila skor min dibahagikan kepada 3 tahap, ianya memberi petunjuk sebagai rendah ($\text{min} > 1.7$), serdahana (1.8 – 3.33) dan tinggi (3.34 – 5.00). Ujian rintis yang telah dilakukan pada ke atas 25 orang pelajar bagi melihat sejauhmana realibiliti dan validiti soalan yang diberikan kepada pelajar. Hasil ujian yang dijalankan memperlihatkan tahap realibiliti dan validiti terhadap soalan-soalan yang dikemukakan adalah tinggi apabila Cronbach's Alpha menunjukkan 0.8 Menurut Kaplan dan Saccuzzo, tahap realibiliti yang baik berada di dalam lingkungan 0.7-0.8 (Ahmad 2009).

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Latar Belakang Responden

Responden terdiri daripada 71 orang pelajar yang sedang mengikuti kursus CTU 555 dari kampus UiTM Terengganu. Jumlah pelajar lelaki ialah 22 orang (31%) dan 240 pelajar perempuan berjumlah 49 orang (69%). Pelajar-pelajar adalah terdiri daripada Fakulti Pengurusan Perniagaan dan juga Fakulti Perhotelan. Pelajar-pelajar berasal dari pelbagai negeri dengan jumlah terbesar adalah dari Kelantan (23orang), Pahang (5 orang), Terengganu (19 orang), Selangor (seorang), Kedah (6 orang), Johor (4 orang), Kuala Lumpur (5 orang), Sarawak (4 orang), dan Sabah (4 orang). Majoriti daripada pelajar-pelajar adalah datang dari etnik Melayu dengan jumlah 85.9%. Kelompok Melayu pula terdiri dari sub etnik yang pelbagai antara sepenuhnya Melayu, Jawa, Banjar, Bugis dan sebagainya. Manakala kelompok bukan Melayu terdiri daripada etnik bumiputera Iban, Kadazan, Orang Asli, Kayan dan sebagainya. Berdasarkan kenyataan di atas, dapat dinyatakan bahawa ‘kepelbagaian’ sememangnya memberi peluang dan pilihan kepada pelajar untuk melakukan dialog dan membentuk persahabatan merentasi etnik. Namun demikian, majoriti murid yang dikaji memperlihatkan pola interaksi dalam lingkungan sub-etnik berbanding merentasi etnik.

Hasil dan Perbincangan

Tahap Pengetahuan Pelajar Terhadap Budaya Yang Ditonjolkan

Setelah selesai para pelajar melihat pelaksanaan aktiviti PPDaB di dalam kelas, mereka dikehendaki menjawap soalan-soalan yang menyentuh tahap pengetahuan tentang budaya yang diceritakan atau dilakukan. Para pelajar ditanya tentang tahap pengetahuan terhadap budaya yang diceritakan. Hasil dapatan menunjukkan sebelum aktiviti ini dijalankan, min yang diperolehi adalah sederhana iaitu 2.59. Namun begitu, selepas aktiviti ini dijalankan perolehan min 4.15 menunjukkan ia berada pada tahap yang tinggi. Begitu juga pada soalan ‘saya mengetahui keistimewaan budaya yang diceritakan’ menunjukkan min pada sebelum aktiviti adalah sederhana iaitu 2.68 manakala selepas aktiviti ini dijalankan min yang diperolehi adalah tinggi dengan bacaannya ialah 4.28. Selanjutnya, para pelajar juga ditanya tentang pengetahuan tentang amalan budaya yang ditonjolkan. Dalam perihal ini perolehan min 2.73 pada sebelum aktiviti menunjukkan ia berada pada tahap yang sederhana manakala min 4.32 pada setelah aktiviti dijalankan menunjukkan ia berada pada tahap yang tinggi. Kebanyakkan para pelajar mengetahui perjalanan program yang dijalankan pada sebelum aktiviti dijalankan berada pada tahap serdahana apabila min yang diperolehi hanya 2.53 manakala setelah tamatnya aktiviti bacaan min menunjukkan ia berada pada tahap yang tinggi.

JADUAL 1. Tahap Pengetahuan Pelajar

| Bil. | Tahap Pengetahuan | SEBELUM | | SELEPAS | |
|------|--|---------|-------------------|---------|-------------------|
| | | Min | Sisihan Piawai | Min | Sisihan Piawai |
| 1 | Saya mengetahui latar belakang budaya yang diceritakan | 2.59 | 0.75 | 4.15 | 0.53 |
| 2 | Saya mengetahui keistimewaan budaya yang diceritakan | 2.68 | 0.73 | 4.28 | 0.48 |
| 3 | Saya mengetahui amalan utama budaya etnik tersebut | 2.73 | 0.83 | 4.32 | 0.60 |
| 4 | Saya mengetahui proses perjalanan amalan tersebut | 2.53 | 0.71 | 4.25 | 0.53 |
| | Purata | 2.63 | 0.76 | 4.45 | 0.54 |

Jadual/ graf/ ilustrasi diletakkan tajuk di atas Jadual/ graf/ ilustrasi

Berdasarkan kepada jawapan sebagaimana dalam jadual 1 di atas, jelas sekali pelaksanaan PPDaB di dalam kelas mempertingkatkan lagi pengetahuan pelajar terhadap perkongsian budaya yang dilakukan. Hasil dapatan min yang sederhana ketika aktiviti

dijalankan memperlihatkan para pelajar mempunyai maklumat tentang budaya yang diceritakan oleh rakan pelajar. Para pelajar boleh bertanya (berdialog) dengan pengamal budaya tentang apa-apa kemosyikilan yang timbul. Dengan demikian, pelaksanaan PPDaB mampu memberi keyakinan, menjelaskan kebenaran dan membetulkan gambaran yang sebenar tentang budaya orang lain.

Sikap Pelajar Terhadap Perbezaan Budaya

Responden juga ditanya tentang sikap mereka dalam memahami perbezaan yang ada pada etnik atau sub etnik yang lain. Bagi soalan ‘saya menghormati perbezaan budaya’, perolehan min 3.70 menunjukkan ia berada pada skala yang tinggi. Setelah program ini dijalankan hasil dapatan menunjukkan min 4.61 dengan skala yang lebih tinggi. Begitu juga bagi soalan ‘menghormati keistimewaan’ budaya yang ada pada etnik/sub etnik yang ada pada orang lain menunjukkan pola yang serupa dengan min 3.77 < 4.56 . Soalan selanjutnya menunjukkan ia berada pada skala yang tinggi dengan min sebelum 3.77 manakala selepasnya 4.63. Hasil dapatan bagi soalan ‘menghormati perjalanan amalan budaya orang lain’ turut menunjukkan ia berada pada min yang tinggi dengan 3.82 < 4.28 pada sebelum dan selepas aktiviti dijalankan. Keseluruhannya, sikap para pelajar dalam memahami budaya yang berbeza berada pada tahap yang tinggi pada sebelum dan selepas aktiviti dilaksanakan. Zulkifli Aini et al. (2014) menyatakan bahawa gagal memahami sesuatu budaya akan menyebabkan seseorang itu tidak dapat memahami mesej yang disampaikan kepadanya atau membuat tanggapan yang kurang tepat. Tuntasnya, hasil dapatan menunjukkan pelaksanaan PPDaB di dalam kelas mampu merangsang sikap pelajar kepada lebih positif. Ini dibuktikan apabila purata bacaan min selepas aktiviti 4.52 berbanding dengan 3.77 sebelum aktiviti dijalankan. Dengan demikian, interaksi yang terbentuk dalam kalangan pelajar yang berbeza budaya menjadi penyumbang kepada kejayaan atau kegagalan proses pembentukan hubungan merentasi etnik. Melalui pelaksanaan PPDaB, jarak sosial yang terbentuk antara murid

dapat dirapatkan. Sekaligus, peranan pendidikan di sekolah untuk memupuk perpaduan dalam kalangan murid pelbagai etnik dan sub etnik dapat mencapai matlamat yang diingini demi kesejahteraan dan keharmonian negara.

JADUAL 2. Sikap Terhadap Budaya

| Bil | Sikap | SEBELUM | | SELEPAS | |
|--------|--|---------|-------------------|---------|-------------------|
| | | Min | Sisihan Piawai | Min | Sisihan Piawai |
| 1 | Saya menghormati perbezaan budaya | 3.70 | 0.78 | 4.61 | 0.57 |
| 2 | Saya menghormati keistimewaan yang ada pada etnik/sub etnik lain | 3.77 | 0.79 | 4.56 | 0.63 |
| 3 | Saya menghargai perbezaan budaya orang lain | 3.77 | 0.74 | 4.63 | 0.49 |
| 4 | Saya menghormati perjalanan amalan budaya orang lain | 3.82 | 0.54 | 4.28 | 0.57 |
| Purata | | 3.77 | 0.71 | 4.52 | 0.57 |

Persepsi Pelajar Terhadap Aktiviti PPDaB

Keterujaan mempersembahkan budaya masingmasing dapat dikesan melalui semangat dan corak penyampaian disampaikan dalam aktiviti PPDaB di dalam kelas. Khadijah et al. (2010) menyatakan bahawa melalui pengalaman sebegini, para pelajar merasai sendiri aktiviti yang merentas budaya dan sekaligus boleh meningkatkan proses integrasi nasional. Lazimnya, aktiviti perkongsian budaya berlaku melalui penglibatan secara langsung dalam majlis-majlis sosial yang dianjurkan oleh rakan, jiran atau masyarakat yang berbeza etnik. Dalam kehidupan masyarakat multi etnik di Malaysia, dialog antara budaya hakikatnya berlaku pada setiap masa dan keadaan. Justeru, ekspreimen pengalaman aktiviti PPDaB memaparkan perkongsian dialog yang agak berbeza dengan lazimnya kerana ia diserahkan dalam bentuk yang formal dan dirancang.

Setelah selesai aktiviti PPDaB, para ditanya dengan beberapa soalan. Hasil dapatan menunjukkan min 4.28 aktiviti yang dijalankan tidak membosankan. Selain itu, ia juga menjelaskan lagi kefahaman pelajar terhadap konsep segregasi, integrasi dan kesedaran menjalinkan hubungan yang baik antara etnik atau sub etnik yang lain. Ini dibuktikan apabila nilai min masingmasing 4.43 dan 4.34 menunjukkan ia berada pada tahap yang sangat tinggi. Bahkan para pelajar merasakan aktiviti ini perlu dilaksanakan untuk semester-semester akan datang. Perolehan min 4.23 menunjukkan darjah

persetujuan berada pada tahap yang tinggi. Namun begitu, kebanyakan pelajar berpendapat program-program ini perlu dikemaskini agar ia nampak benar-benar semulajadi.

Jadual 3 : Persepsi Pelajar Terhadap Aktiviti PPDB

| Bil | Persepsi | Min | Sisihan Piawai |
|-----|--|------|----------------|
| 1 | Aktiviti ini tidak membosankan | 4.28 | 0.57 |
| 2 | Aktiviti ini menjelaskan lagi informasi saya tentang segregasi & integrasi | 4.43 | 0.55 |
| 3 | Aktiviti menambahkan lagi kesedaran tentang menjalinkan hubungan kaum | 4.34 | 0.53 |
| 4 | Saya merasakan aktiviti ini wajar dilakukan untuk semester yang berikutnya | 4.63 | 0.49 |
| 5 | Saya merasakan program ini perlu dikemaskinikan | 4.23 | 0.72 |

KESIMPULAN

Segala apa yang diaplikasi dan dikongsi oleh peserta dialog dalam aktiviti PPDB mampu membangunkan pelajar yang bersikap dinamik, terbuka dan tekal terhadap integrasi. Hasil kajian membuktikan eksperimen pelaksanaan aktiviti PPDB mampu mempertingkatkan tahap pengetahuan pelajar dari sederhana pada sebelum aktiviti dijalankan kepada tinggi selepas aktiviti dilaksanakan. Dari aspek sikap pelajar, biarpun skala sebelum aktiviti menunjukkan tahap yang tinggi namun selepas aktiviti dijalankan didapati skor yang diperolehi berada pada tahap yang lebih tinggi. Justeru, para pelajar merasakan aktiviti PPDB ternyata berkesan dalam meningkatkan kefahaman, keseronokan dan dalam masa yang sama turut berupaya merangsangkan pemupukan perpaduan intra dan inter etnik antara mereka.

Dengan demikian, kaedah pembelajaran aktif sebegini mampu memberi inovasi baru kepada pensyarah dan para pelajar. Bagi guru, aktiviti PPDB mampu melatih pelajar melibatkan diri dalam situasi sebenar, pengajaran yang bersifat variasi dan mengajak pelajar lebih bertanggungjawab terhadap pembelajaran di dalam kelas. Manakala bagi pelajar, aktiviti sebegini mampu meningkat minat pelajar terhadap subjek, menghilangkan rasa boring atau mengantuk, mencipta atmosfera yang positif dan mengembangkan keterampilan oral-metakognitif pelajar.

Kesimpulan

PENGHARGAAN

Pengkaji ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada 600-IRMI/DANA/5/3/ARAS (0110/2016) di bawah Universiti Teknologi Mara kerana menyediakan dana bagi penyelidikan yang dijalankan.

Penghargaan (Jika ada)

RUJUKAN

- Ahmad Sunawari. 2006. Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam. Bangi: UKM.
- Azizi Umar, Wan Zulkifli Wan Hassan, Nazri Muslim, Aminuddin Basir. 2015. Sikap Interaksi Antara Kaum Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Agama. Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah (JSASS). Volume 2 Bil 2. 67-78
- Azizan Baharuddin. 2005. Dialog Peradaban: Perspektif Global dan Lokal. Dalam Dialog Peradaban: Peranan Dan Kepentingannya di Malaysia, 16-20. Kuala Lumpur: Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya.
- Azrinah Binti Abdul Rahah. 2009. Persepsi Pelajar Terhadap Dialog Antara Agama: Kajian Dalam Kalangan Pelajar Tahun 4, Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai, Johor (Tesis Ijazah Sarjana Muda Sains serta Pendidikan)
- Jemkhairil. 2010. Komunikasi Antara Budaya Sebagai Metode Dakwah untuk Masyarakat Multi Etnik. Jurnal al-Hikmah. Bil. 2. Hlm. 83-96
- Kamus Dewan. 2010. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Khadijah Mohd Khambali, Nurhanisah Senin, Suraya Sintang. 2012. Citra Dialog Antara Agama dalam Perspektif Islam dan Kristian: Analisis Awal. Jurnal MALIM.VOL. 13, JULAI/JULY 2012 <http://www.ukm.my/jmalim/>
- Khadijah Mohd Khambali, Suraya Sintang, Nor Adina Abdul Kadir. 2010. Peranan Sekolah Agama Dalam Jalinan Dialog Kehidupan Ummah Di Malaysia. 194-208.
- Dalam Kemelut Peradaban Remaja di Malaysia (Edit Mustaffa Abdullah & Faisal Ahmad Shah. Kuala Lumpur: Univ. Malaya.
- Mohd Azhar Abd. Hamida, Rosman Md. Yusuffa, Muhammed Fauzi Othmana, Mohd Koharuddin Balwia . 2013. Perspektif Orang

Rujukan – menggunakan format stail American Psychological Association (APA)

- Cina Terhadap Agama Islam di Malaysia: Satu Tinjauan Awal. Jurnal Teknologi. V. 60. 11-19.
- Mohd Faris Dziauddin, Nasir Nayan, Kamarul Ismail. 2016. Mengukur perubahan segregasi kaum di Malaysia menggunakan Indeks Entropi dan Sistem Maklumat Geografi (GIS): Kajian kes Negeri Perak bagi tempoh 1991-200. GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space. 12 issue 4 (12 - 25)
- Mohd Ridhuan Tee Abdullah. 2010. Cabaran Integrasi Antara Kaum Di Malaysia: Perspektif Sejarah, Keluarga Dan Pendidikan. Jurnal Hadhari Bil. 3 (2010) 61-84
- Najeemah Mohd Yusof. (2006). Patterns of Social Interaction between Different Ethnic Groups in Malaysian Secondary Schools. Jurnal Pendidik dan Pendidikan, 21, 149-164
- Ramli, Ahmad Faizuddin dan Jaffary Awang. 2016. An Islamic Perspective On Interfaith Dialogue (Dialog Antara Agama Menurut Perspektif Islam). UMRAN-International Journal of Islamic and Civilizational Studies 3, no. 2
- Rusimah Sayuti, Mohd Ainuddin Iskandar Lee Abdullah, Prof. Madya Datin Hajah Salma Ishak. 2004. Kajian Hubungan Kaum Di Kalangan Pelajar Sekolah Pembangunan Sosial, Universiti Utara Malaysia. In: Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modernisme (SIVIC 2004), 4-6 September 2004, Hotel City Bayview Langkawi. (Unpublished)
- Shamsul Amri Baharuddin. 2007. Modul Hubungan Etnik. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
- Silberman, Mel. 1996. Active Learning, 101 Strategies to Teach Any Subject. Massasuchetts: Allyn & Bacon.
- Suresh Kumar N Vellymalay . 2014. Bahasa Interaksi Dan Hubungan Antara Etnik Dalam Kalangan Murid Di Bilik Darjah. Jurnal Kepimpinan Pendidikan. Oktober 2014, Bil. 1, Isu 3
- Yasmin Ahmad & Najeemah Mohd Yusof. (2012). Social Distance and Ethnic Boundary among Pupils in Multiethnic and Monoethnic School Environment in Malaysia. Journal of Sociology & Anthropology, 2012(2), 1-17.

Zulkefli bin Aini, Abd Hakim Mohad, Rosmawati
Mohamad Rasit, Muhammad Faisal Asha`ari,
Siti Rugayah Tibek, Muhammad Adib
Samsudin, Salasiah Hanin Hamjah, Ahmad
Irdha Mokhtar, S.Salahudin Suyurno. 2014.
Komunikasi Dakwah Antara Budaya Dalam
Masyarakat Majmuk Di Sabah. Dalam
Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014;
Dakwah & Etnik: Perspektif Multi – Disiplin.
1-12.

Azarudin Awang*, Azman Che Mat & Wahairi
Mahmud Universiti Teknologi MARA Cawangan
Terengganu, Sura Hujung, 23000 Dungun,
Terengganu Darul Iman, Malaysia

*Pengarang untuk surat menyurat; e-mel:
azaru154@tganu.uitm.edu.my

Diserahkan: 13 Disember 2018
Diterima: 6 Mac 2019

- Nama penulis
- Afiliasi
- Emel

- Tarikh penghantaran artikel dan penerimaan artikel yang akan dicatatkan oleh Urusetia Jurnal Personalia Pelajar.